



BULETIN INFORMASI PERBADANAN PUTRAJAYA

BULETIN PPj

EDISI BAHARU

• KELUARAN 2 2020



Sidang REDAKSI

KETUA EDITOR



YM Tengku Aina binti YTM Tengku Ismail Shah

EDITOR



Puan Haryani
binti Kaulan



Cik Siti Nurul
Azzua binti Tamjis

URUS SETIA SOKONGAN TEKNIKAL (ICT)



Encik Amran
bin Ashaari



Puan Syalinda binti
Abu Hassan Al Shaari



Encik Rosmaidi
bin Rimin

GRAFIK DAN REKA BENTUK



Puan Zuraida
binti Zainol

PENULIS



Encik Khalilurrahman
bin Kamaruz-zaman



Puan Nor Azimah
binti Jamaluddin



Encik Asmawi
bin Ahmad



Encik Adi Khirman
bin Marji



Encik Mohd Fairus
bin Mohd Padzil



Puan Norhaliza
binti Hanifah



Puan Nur Nisha
binti Mohd Idrus



Puan Fadhlul Jannah
binti Abd Karim



Puan Wan Aslina
binti Wan Awang



Encik Mohd Faizal
bin Ab. Wahab Chu



Puan JaneJasmin
binti Benjamin Yuen



Encik Muhammad
Shurazi bin Sukhur

ISI KANDUNGAN

- Menganag Jasa Barisan Hadapan 3
- PPj Beri Pengecualian Bayaran Sewa 4
- Putrajaya Bakal Miliki Masjid Ke-3 5
- Cuepacs, PPj Edar Juadah Buka Puasa Kepada Barisan Hadapan 6
- Kenang Jasa Almarhum Sultan Ahmad Shah 7
- RM100 Juta Diperuntukkan Di Bawah Inisiatif Wilayah Cakna 8
- Tiada Bazar Ramadan Di Wilayah Persekutuan 9

PERTANYAAN

Sidang redaksi *Buletin Perbadanan Putrajaya* mengalu-alukan komen, ulasan dan sumbangan dari semua pembaca

Email pertanyaan hendaklah ditujukan kepada:

ppjonline@ppj.gov.my

Bahagian Komunikasi Korporat,
Jabatan Perkhidmatan Korporat,
Perbadanan Putrajaya,
24, Persiaran Perdana,
Presint 3, 62675 Putrajaya.

Untuk maklumat lanjut, sila layari:



www.ppj.gov.my



[Facebook/putrajaya](https://www.facebook.com/putrajaya)



[Twitter@putrajayacorp](https://twitter.com/putrajayacorp)



[Youtube/perbadananputrajaya](https://www.youtube.com/perbadananputrajaya)



[Instagram/perbadananputrajaya](https://www.instagram.com/perbadananputrajaya)

Mengenang Jasa Barisan Hadapan

PUTRAJAYA

Kementerian Wilayah Persekutuan melaksanakan program penghargaan dikenali sebagai Limpahan Lampu Biru kepada petugas barisan hadapan yang bertungkus lumus berkhidmat untuk rakyat Malaysia dalam menangani wabak Covid-19. Program yang bermula dari 30 April hingga 3 Mei 2020, dengan beberapa bangunan ikonik dan laluan utama di Wilayah Persekutuan dilimpahi sinaran lampu biru sempena Program Limpahan Lampu Biru (#LightItBlue).

Program anjuran Kementerian Wilayah Persekutuan ini diadakan di 38 lokasi bermula dari jam 10.30 malam hingga 1.00 pagi. Ia diadakan sebagai simbolik tanda penghargaan kepada rakyat Malaysia dan petugas barisan hadapan melawan pandemik Covid-19.

Matlamat utama program berkenaan adalah untuk menzahirkan penghargaan dan terima kasih terhadap kecekalan, keringat, pengorbanan, kesungguhan serta jasa pasukan barisan hadapan yang bertungkus-lumus memerangi pandemik Covid-19 untuk rakyat Malaysia.

Warna biru menjadi pilihan kerana ia adalah warna rasmi bidang perubatan yang membawa maksud kredibiliti, pengetahuan, kepercayaan dan fokus. Program ini juga turut mendapat perhatian daripada pihak Istana Negara apabila Yang Dipertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Riayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah berkenan supaya Istana Negara dilimpahi dengan cahaya kebiruan.


Cahaya biru dinyalakan di tiga lokasi di sekitar Istana Negara iaitu di Dataran Kawad, Kubah Anjung Utama dan Pintu Gerbang Utama Istana Negara. Baginda berdua dan keluarga, berkenan berangkat meluangkan masa 30 minit untuk menyaksikan program berkenaan yang diadakan serentak di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Di Kuala Lumpur, antara lokasi yang dilimpahi cahaya biru adalah di Menara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) 1, Dataran Merdeka, Menara TRX, Menara Kuala Lumpur, Pintasan Saloma, Masjid Jamek dan Kolam Biru River Of Life (ROL). Selain itu, beberapa bangunan seperti Menara Berkembar Petronas, Menara Tabung Haji (TH), bangunan Umno dan Menara Maybank turut bermandi cahaya lampu biru sepanjang program berkenaan.

Di Putrajaya, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Bangunan Setia Perdana, Menara Kementerian Belia dan Sukan, Bangunan Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Bangunan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Jambatan Seri Wawasan dan Jambatan Saujana dipilih untuk dinyalakan lampu biru.

Manakala di Labuan pula, empat lokasi dipilih iaitu di Wisma Perbadanan Labuan, Jalan Merdeka, Jalan Dewan (Giant LED Board) serta UTC Labuan.

Sementara itu, negeri seluruh negara serta orang ramai juga turut mengambil bahagian menyalakan lampu biru di bangunan utama dan rumah masing-masing sebagai tanda sokongan kepada program berkenaan.



PPj Beri Pengecualian Bayaran Sewa



Bagi meringankan beban kewangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), Perbadanan Putrajaya (PPj) telah memberi pengecualian sewa selama enam bulan kepada premis milik Kerajaan Persekutuan di pusat pentadbiran kerajaan ini.

Naib Presiden Jabatan Perkhidmatan Bandar PPj, Datuk Azizi Ahmad Termizi berkata, PPj sudah merancang untuk memberi pengecualian sewaan bagi premis seliaan di bawahnya sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) selaras diumumkan kerajaan.

Selain pengecualian bayaran sewa bagi Mac dan April, PPj turut memanjangkannya selama enam bulan sehingga Ogos bagi membantu peniaga yang terjejas sepanjang menangani wabak Covid-19. Proses kelulusan pengecualian bayaran itu perlu melalui mesyuarat dan ianya tertangguh disebabkan kekangan pegawai untuk hadir ke pejabat disebabkan PKP.

Pada 27 Mac 2020, kerajaan dilaporkan bersetuju memberikan pengecualian sewaan selama enam bulan untuk semua premis milik Kerajaan Persekutuan seperti kantin sekolah, taska, kafeteria dan kedai serbaneka.

Dalam satu sidang media yang telah diadakan, 80 pemilik gerai makan di bawah seliaan PPj meluahkan rasa kecewa kerana pihak berkuasa tempatan (PBT) tersebut tidak memberi sebarang tindak balas berhubung pengecualian bayaran sewa selama enam bulan seperti diumumkan kerajaan.

Timbalan Pengerusi, Persatuan Penjaja Dan Peniaga Kecil Putrajaya, Tengku Mohd Sharifuddin Tengku Alias berkata, PPj hanya memberikan pengecualian bayaran sewa bulanan bagi bulan Mac dan April menyebabkan peniaga berhadapan sumber kewangan kerana hasil pendapatan menurun sebanyak 80 peratus.

Sebelum ini Persatuan Penjaja Dan Peniaga Kecil Putrajaya ada menghubungi PPj bagi mendapatkan penjelasan berhubung pengecualian bayaran sewa berkenaan, namun tidak menerima sebarang tindak balas.

Menurut Sharifuddin lagi, tindakan itu bercanggah dengan arahan kerajaan yang membenarkan penyewa premis milik kerajaan membuat penangguhan selama enam bulan kerana terjejas pendapatan sepanjang menangani pandemik berkenaan.



Putrajaya Bakal Miliki Masjid Ke-3

Putrajaya bakal memiliki masjid ke-3 memandangkan populasi penduduk kawasan itu dijangka bertambah sehingga 300,000 orang dalam tempoh 5 tahun akan datang. Tapak pembinaan masjid tersebut adalah di Presint 14 dan pembinaan projek berkenaan adalah berkonsepkan "Al-Quran".

Penelitian juga sedang dibuat dengan cadangan untuk membina 'Quran Village' di tapak yang sama dengan pembinaan masjid ke-3 tersebut bagi memartabatkan budaya Islamik dan ilmu Al-Quran khususnya kepada pelancong dari luar negara.

Pada masa sekarang ada lebih 120,000 penduduk Putrajaya dan Kementerian Wilayah sedang merancang untuk menambah pembinaan rumah di Putrajaya yang bermakna keperluan masjid tersebut akan bertambah.

Pada masa ini, Putrajaya memiliki 2 masjid iaitu Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Masjid Putra. Tan Sri Anuar Musa berkata, pihaknya juga berusaha untuk menggalakkan lebih ramai rakyat membeli rumah dan premis di Putrajaya supaya kawasan tersebut tidak hanya terhad kepada pegawai kerajaan sahaja.

Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) hari telah melancarkan Al-Quran Al-Karim Mushaf Putrajaya sempena Sambutan Jubli Perak Putrajaya 2020 dan Nuzul Al-Quran 1441H pada 10 Mei 2020.

Penerbitan Al-Quran yang mempunyai identiti tersendiri itu adalah usaha sama antara Perbadanan Putrajaya, Yayasan Restu dan Nasyrul Quran Putrajaya dengan sokongan KWP bagi menyemarakkan pembudayaan al-Quran dalam kalangan masyarakat serta mewujudkan generasi al-Quran sepanjang zaman

Sumber rekaan struktur dan motif Al-Quran Al-Karim Mushaf Putrajaya diperoleh dari pelbagai kategori sumber seperti melalui artifak dan warisan seni bina, reka tekstil, reka logam, hias manuskrip dan sebagainya.

Sumber motif turut diperoleh dari landskap, flora dan persekitaran di Putrajaya di samping daripada maklumat lain seperti sumber ekonomi, pentadbiran dan politik, sains dan teknologi, pendidikan dan sebagainya.

Ia diterbitkan dengan versi MUFIQ (Mudah Untuk Fahami Isi Quran) dalam versi Bahasa Melayu iaitu Al-Quran Al-Karim bertajwid dengan terjemahan berserta ensiklopedia al-Quran selain menggunakan gaya seni Khat Nasakh pada bahagian ayat dan Khat Thuluth pada bahagian tajuk surah dan bilangan juzuk.

Sasaran bagi percetakan al-Quran tersebut adalah sebanyak 25,000 naskhah bagi diwakafkan kepada semua masjid, sekolah dan perpustakaan sekitar Putrajaya dengan cetakan awal sebanyak 5,000 naskhah.

Menurut Tan Sri Anuar Musa, jumlah kos yang diperuntukkan bagi projek ini adalah sebanyak RM2 juta dengan RM1 juta disumbangkan oleh KWP manakala RM1 juta menerusi sumbangan pelbagai pihak.





Cuepacs, PPj Edar Juadah Buka Puasa Kepada Petugas Barisan Hadapan

Kesatuan Pekerja-Pekerja di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya (PPj) telah mengagihkan juadah berbuka puasa kepada petugas barisan hadapan yang memerangi penularan wabak Covid-19 pada 01 Mei 2020.

Majlis pengagihan juadah tersebut telah dihadiri oleh Presiden Cuepacs, Adnan Mat dan Presiden PPj, Datuk Dr. Aminuddin Hassim kepada para wakil-wakil komuniti Putrajaya.

Sebanyak 700 pek makanan diedarkan untuk petugas barisan hadapan di beberapa lokasi sekitar Putrajaya.

Jurucakap Cuepacs berkata, pek makanan yang disumbangkan tersebut menandakan penghargaan terhadap pengorbanan dan kesungguhan petugas barisan hadapan dalam memutuskan rantaian Covid-19.

Ia diagihkan kepada semua petugas barisan hadapan yang dikenalpasti iaitu

bermula dari Ibu Pejabat Polis Daerah Putrajaya, petugas polis dan anggota tentera di sekatan jalan raya di tujuh lokasi di Putrajaya, Klinik Kesihatan daerah Putrajaya serta hospital dan sebagainya.

Ini adalah bagi menghargai sumbangan mereka yang setia bekerja dan berkhidmat pada hari Pekerja pada 01 Mei. Sumbangan ini serba sedikit diyakini akan meringankan urusan berbuka puasa dan menyuntik semangat mereka di sebalik penat bertugas selama 24 jam untuk keselamatan dan kesejahteraan rakyat.



Kenang Jasa Almarhum Sultan

Ahmad Shah



Bagi mengenang jasa Almarhum Sultan Ahmad Shah, Kerajaan berhasrat mengabadikan pembangunan fasiliti sukan dengan anggaran kos lebih RM500 juta di Presint 5, Putrajaya kepada ikon kepimpinan sukan negara tersebut.

Menurut Menteri Wilayah Persekutuan Tan Sri Annuar Musa, projek 'Soccer City' tersebut adalah inisiatif Almarhum Sultan Ahmad Shah, ketika baginda memimpin Persatuan Bola sepak Malaysia (FAM). Pada masa itu Tan Sri Annuar Musa adalah Timbalan Presiden FAM. ini idea daripada Almarhum Sultan Ahmad Shah supaya pejabat AFF (Persekutuan Bola Sepak ASEAN), AFC (Konfederasi Bola Sepak Asia) dan FAM berpindah ke Putrajaya. Ia telah dipermudahkan kerana Tuanku mengambil berat, memberikan tanah dan sebagainya.

Fasiliti kompleks sukan tersebut wajar dinamakan sebagai 'Sultan Ahmad Shah Soccer City' atau 'Sultan Ahmad Shah Soccer and Sports City' kerana Baginda merupakan aktivitis sukan negara yang unggul, kata Tan Sri Annuar Musa pada sidang media majlis pertukaran dokumen dan penyampaian insentif sukan Wilayah Persekutuan di Dewan Seri Siantan, Perbadanan Putrajaya pada 16 Jun 2020.

Tan Sri Annuar akan menghadap Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah selepas ini untuk merafak sembah pohon perkenan menggunakan nama Almarhum Paduka Ayahanda Baginda secara rasmi.

Terdahulu, Tan Sri Annuar Musa dan Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal menyaksikan Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj) Datuk Dr Aminuddin Hassim, bertukar dokumen dengan Presiden FAM Datuk

Hamidin Mohd Amin, dan Setiausaha Agung AFC Datuk Windsor Paul John.

Pembangunan 'Soccer City' Putrajaya dengan keluasan 42.43 ekar (lebih 17 hektar) di Presint 5 melibatkan pembangunan sebuah stadium bola sepak berkapasiti 10,000 penonton milik AFC, ibu pejabat FAM serta pusat latihan bola sepak kebangsaan dan ibu pejabat AFF.

AFC sedia membelanjakan sekitar USD100 juta (kira-kira RM426 juta) untuk pembinaan stadium tersebut, manakala Pusat Latihan Harimau Malaya yang menelan kos RM45 juta, memerlukan peruntukan daripada Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Dalam usaha menjadikan Putrajaya sebagai 'Bandar Mesra Sukan', empat padang bola sepak komuniti dan kemudahan-kemudahan lain akan turut dibina di kawasan berhampiran.

Sementara itu, Stadium Ragbi Kebangsaan berkapasiti 5,000 orang dengan kos lebih kurang RM70 juta telah mula dibina di Presint 13, manakala pembangunan Kompleks Sukan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP), yang dilengkapi dengan kemudahan olahraga dan trek balapan menelan kos RM40 juta akan dimulakan dalam masa terdekat.

Kesemua kemudahan ini dijangka siap secara berperingkat dalam masa tiga tahun lagi, iaitu pada 2023. Bangunan pejabat AFF telah siap, tinggal fasa kedua melibatkan bangunan kondominium. Stadium Ragbi dijangka siap dalam masa 18 bulan, iaitu pada suku ketiga 2022, manakala Kompleks Sukan MSWP baru hendak dimulakan dan dijangka siap awal 2023.





RM100 Juta Diperuntukkan Di Bawah Inisiatif Wilayah Cakna

Seramai 100,000 orang bakal menerima bantuan dan manfaat di bawah Inisiatif Wilayah Cakna melibatkan peruntukan sebanyak RM100 juta, kata Menteri Wilayah Persekutuan Tan Sri Annuar Musa.

Peruntukan tersebut termasuk pengagihan bantuan dalam bentuk makanan dan barangan, pengecualian bayaran sewa selama enam bulan, sumbangan tunai kepada golongan miskin bandar serta peniaga kecil dan penjaja.

Sebelum ini, di bawah inisiatif Wilayah Cakna kementerian telah memperuntukkan lebih RM63 juta namun selepas pengumuman Bantuan Prihatin Nasional dibuat, penyelarasan telah dibuat semula dan kini kementerian hanya menanggung kira-kira RM100 juta untuk bantuan tersebut.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan bantuan barangan keperluan asas kepada wakil dari 200 penerima asnaf dan B40 di Putrajaya yang terkesan sepanjang

tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), serta komuniti Putrajaya yang disahkan dijangkiti COVID-19.

Annuar berkata bagi bantuan tunai, agensi terlibat diminta mempermudah dan menyegerakan pemberian kepada golongan yang layak selewat-lewatnya pada 10 April 2020. Bantuan tersebut termasuklah bantuan tunai dari Inisiatif Wilayah Cakna dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan kepada golongan asnaf dan berpendapatan rendah serta bantuan 'one-off' RM500 kepada peniaga kecil dan penjaja. Walaupun jumlah bantuan yang diberikan tidak banyak tetapi bagi keluarga yang memerlukan ianya sangat mustahak. Manakala bagi penerima yang tidak mempunyai maklumat lengkap seperti maklumat akaun bank, pegawai terbabit akan pergi ke rumah bagi menyampaikan sumbangan.



Tiada Bazar Ramadan Di Wilayah Persekutuan

Kerajaan tidak membenarkan bazar Ramadan secara pandu lalu serta tempah dan ambil dilaksanakan sepanjang tempoh penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata pihaknya sudah meneliti dan mendengar pandangan Kementerian Wilayah melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengenai cadangan untuk melaksanakan bazar Ramadan dengan cara itu.

Mesyuarat telah memutuskan sebarang bentuk perniagaan berkaitan bazar atau gerai Ramadan termasuk dalam bentuk pandu lalu serta tempah dan ambil tidak dibenarkan. Konsep tempah dan ambil melalui e-hailing tidak boleh dibenarkan kerana ia memerlukan gerai beroperasi. Bagaimanapun, e-hailing biasa yang sudah dilaksanakan iaitu penghantaran (makanan) ke rumah diteruskan seperti biasa.

Sebelum ini, Kementerian Wilayah Persekutuan merancang untuk melaksanakan bazar Ramadan secara pandu lalu serta tempah dan ambil di Wilayah Persekutuan, berikutan bazar Ramadan tradisional tidak dibenarkan tahun ini susulan kebimbangan penularan COVID-19.

Berikutan dengan ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya (PPj), dan Perbadanan Labuan (PL) akan memulangkan semula bayaran lesen, cagaran dan caj perkhidmatan penjaja dan penganjur, yang telah diluluskan sebelum ini.

Seramai 2,673 penjaja di 66 lokasi bazar

Ramadan telah berdaftar dengan DBKL, 300 penjaja dengan PPj dan 215 penjaja di tiga lokasi PL.

Dalam pada itu juga, sebarang majlis berbuka puasa atau acara keramaian, ketika bulan Ramadan pada tahun ini tidak dibenarkan di Wilayah Persekutuan. Sama ada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tamat atau bersambung, amalan jarak sosial dan garis panduan Kementerian Kesihatan, perlu diteruskan bagi memutuskan rantai wabak Covid-19.

Namun, bagi sesiapa yang ingin menyumbang makanan kepada golongan memerlukan, mereka perlu memaklumkan kepada Kementerian Wilayah jumlah sumbangan dan alamat yang perlu diberi, dan pihak kementerian akan membantu menghantar kepada golongan yang memerlukan.

